

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HSI 341 Sejarah Asia Barat Moden

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Nilaiikan secara kritikal program pembangunan yang dilaksanakan oleh 'Abdul 'Aziz (Ibn Sa'ud) di negara Arab Sa'udi moden.
2. Jamaluddin al-Afghani terkenal sebagai seorang pejuang pan-Islamisme yang gigih. Tetapi, mengapakah beliau gagal untuk merealisasikan impiannya, iaitu untuk menyatupadukan umat Islam bagi menghadapi imperialisme Barat?
3. Bincangkan mengapakah Amir 'Abdul Qadir gagal untuk menumpaskan imperialisme Perancis setelah berjaya menegakkan sebuah negara Islam di Algeria pada peringkat awalnya.
4. Pergerakan 'Urabi Pasya di Mesir merupakan sebuah gerakan nasionalis sejak daripada zaman awalnya lagi. Setujukah anda?
5. Mustaffa Kamal (Ataturk) melalui dasar pembaratannya berjaya mengsekularkan Turki, tetapi gagal untuk membebaskan negaranya daripada cengkaman ekonomi Barat. Setujukah anda?
6. Sejauh manakah Rejim Nasir yang autokratik dan pragmatis telah mengurbankan kebebasan di Mesir?

7. Mengapakah Muhammad Reza Pahlavi gagal untuk mengekalkan kuasanya pada tahun 1979?
8. Bandingkan antara Sayyid Muhammad Rasyid Rida dengan gurunya Syaikh Muhammad 'Abduh dalam usaha mereka masing-masing untuk melaksanakan islah di kalangan umat Islam.

-ooo000ooo-